



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 64
Bil. 26

30hb Disember 2011

*TAMBAHAN No. 21
PERUNDANGAN*

Pk. P.U. 40

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK
NEGERI PERAK 2011

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Kaedah

1. Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK

3. Senarai pokok
4. Perintah pemeliharaan pokok
5. Perintah pemeliharaan pokok boleh dibuat jika pokok tidak tertakluk kepada syarat-syaratnya

6. Kebenaran bertulis di bawah perintah pemeliharaan pokok
7. Perakuan orang berkelayakan
8. Pampasan
9. Penggantian pokok
10. Pembatalan perintah pemeliharaan pokok

BAHAGIAN III

**LARANGAN MEMOTONG DAN SEBAGAINYA POKOK YANG LILITANNYA
MELEBIHI 0.8 METER**

11. Larangan memotong dan sebagainya pokok yang lilitannya melebihi 0.8 meter
12. Ilustrasi

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK
NEGERI PERAK 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 35A dan subseksyen 58(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*], Pihak Berkuasa Negeri Perak membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-kaedah Perintah Pemeliharaan Pokok Negeri Perak 2011 dan hendaklah diterimapakai bagi semua kawasan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan dalam Negeri Perak.

(2) Kaedah-kaedah ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam kaedah-kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain

“Akta” ertinya Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*];

“kelompok pokok” ertinya satu kumpulan pokok dari pelbagai spesis yang tumbuh di satu kawasan yang sama secara berdekatan dan boleh ditandakan di dalam satu lingkungan;

“menebang pokok” termasuk aktiviti memotong, memangkas, mencantas, mencabut, merosakkan atau memusnahkan pokok;

“merosakkan pokok dan memusnahkan pokok” termasuk aktiviti mengguris, mengopek, memaku, mengecat, meracun, membakar, menebuk, menampal, menakek, menakuk, mengikat dengan dawai dan menoreh sepanjang lilitan pokok atau perbuatan yang boleh mencederakan pokok;

“orang berkelayakan” ertinya orang yang berkelayakan untuk mengesahkan jadual-jadual di bawah subkaedah 3(2) dan 3(5) dan membuat perakuan di bawah subkaedah 6(2);

“pokok” termasuklah tanaman dan tumbuhan individu kekal dan tunggal di dalam keadaan biasa tahan bertahun-tahun di atas tanah yang dikenalpasti daripada saiz, umur, jenis atau spesies tertentu yang tumbuh di mana-mana lokasi;

“pokok yang telah mati atau hampir mati” ertinya pokok yang dapat dibuktikan seperti yang dikehendaki di dalam perenggan 7(1)(a);

“pokok-pokok” ertinya satu kumpulan dua atau lebih pokok dari satu spesies yang sama tumbuh dalam bentuk berbaris atau berdekatan antara satu sama lain;

“senarai pokok” ertinya pengumpulan maklumat yang tepat mengenai kesihatan dan kepelbagaian hutan masyarakat, adalah satu alat yang penting dalam pengurusan yang baik;

“spesies endemik” ertinya pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang terdiri daripada spesies pokok yang hanya didapati tumbuh di tempat-tempat tertentu sahaja yang mempunyai kesesuaian iklim, ekologi setempat, keadaan muka bumi serta komposisi tanah yang sesuai dengan pokok-pokok berkenaan;

“spesies hampir pupus” ertinya pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang terdiri daripada spesies yang jarang ditemui dan jumlahnya masih banyak lagi untuk dikategorikan ke dalam kumpulan terancam;

“spesies terancam” ertinya pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang sukar ditemui serta bilangannya sedikit dan sekiranya tidak dilindungi, besar kemungkinan pokok-pokok dari spesies ini akan pupus;

“spesies yang mempunyai nilai istimewa” ertinya pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang ditanam oleh pemimpin Negara atau orang-orang kenamaan sempena suatu upacara yang mempunyai kepentingan Negara dan pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang mempunyai nilai tersendiri yang mempunyai keindahan semulajadinya atau mempunyai nilai tempatan atau sumbangan estetika terhadap lanskap; atau sebagai penghadang fizikal semula jadi terhadap pandangan buruk atau kawasan pembangunan akan datang; dan

“spesies yang mempunyai nilai sejarah” ertinya pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang ditanam melebihi 30 tahun lalu dan mempunyai kaitan dengan nilai sejarah terhadap kawasan setempat.

BAHAGIAN II
PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK

Senarai pokok

3. (1) Bagi maksud perintah pemeliharaan pokok, Pihak Berkuasa Perancang Tempatan hendaklah menyediakan senarai pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang perlu dipelihara bagi kawasannya mengikut **Jadual Pertama**.

(2) Pihak Berkuasa Perancang Tempatan boleh meminda Jadual Pertama tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri dan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri.

(3) Pihak Berkuasa Perancang Tempatan hendaklah mengemaskini data dalam senarai pokok dari semasa ke semasa.

(4) Senarai pokok hendaklah sentiasa sedia didapati untuk diperiksa di pejabat Pihak Berkuasa Perancang Tempatan dalam waktu pejabat.

(5) Senarai pokok dalam Jadual Pertama perlu mempunyai satu daftar pokok terperinci seperti yang dinyatakan di **Jadual Kedua**.

Perintah pemeliharaan pokok

4. (1) Suatu perintah pemeliharaan pokok yang dibuat di bawah subseksyen 35A(1) Akta hendaklah dibuat melalui **Borang A Jadual Ketiga** dan mengandungi—

- (a) peta atau plan berskala yang menunjukkan kedudukan pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang tertakluk kepada perintah itu;
- (b) keterangan mengenai spesis dan saiz pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok itu; dan
- (c) pengisytiharan bahawa kebenaran penebangan pokok yang tertakluk kepada perintah itu hanya boleh diperolehi dari Pihak Berkuasa Perancang Tempatan dan tertakluk kepada syarat-syarat.

(2) Suatu perintah pemeliharaan pokok bolehlah mengandungi atau disertakan dengan gambar rajah, gambaran-gambaran termasuk gambar foto dan bahan-bahan meterial yang difikirkan sesuai untuk maksud menjelas dan menerangkan peruntukan-peruntukan dalam perintah itu, dan ia hendaklah disifatkan sebagai menjadi sebahagian daripada perintah itu.

(3) Suatu perintah pemeliharaan pokok hendaklah disimpan di pejabat Pihak Berkuasa Perancang Tempatan bersama dengan tanda yang dengannya perintah itu boleh dikenali dan salinan perintah itu—

(a) hendaklah sedia didapati untuk diperiksa di pejabat Pihak Berkuasa Perancang Tempatan pada waktu pejabat; dan

(b) jika berkenaan, disampaikan kepada pemunya dan penduduk tanah di mana-mana pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok itu tumbuh.

(4) Suatu pemberitahuan hendaklah dibuat melalui **Borang B Jadual Ketiga** yang menyatakan tentang perintah pemeliharaan pokok itu hendaklah diletakkan di tempat yang sesuai di atas tapak di mana pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok itu tumbuh.

(5) Jika sesuatu perintah pemeliharaan pokok yang hendak dibuat melibatkan tanah milik kerajaan, Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan hendaklah terlebih dahulu berunding dengan kerajaan itu dan setelah mendapat persetujuan bertulisnya boleh mengeluarkan perintah itu mengikut perenggan (1).

(6) Satu perintah yang dikeluarkan di bawah perenggan (5) hendaklah mempunyai kesan yang sama seperti perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen 35A(1) Akta.

Perintah pemeliharaan pokok boleh dibuat jika pokok tidak tertakluk kepada syarat-syaratnya

5. Suatu perintah pemeliharaan pokok boleh dibuat di bawah seksyen 35A Akta, berkenaan dengan pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang tidak tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan di bawah perenggan 22(5)(f) dan (g) Akta.

Kebenaran bertulis di bawah perintah pemeliharaan pokok

6. (1) Suatu permohonan bagi kebenaran bertulis dari Pihak Berkuasa Perancang Tempatan di bawah perenggan 35A(2)(a) Akta hendaklah dibuat melalui **Borang C Jadual Ketiga**.

(2) Suatu kebenaran bertulis dari Pihak Berkuasa Perancang Tempatan di bawah perenggan 35A(2)(a) Akta hendaklah dibuat melalui **Borang D Jadual Ketiga**.

(3) Suatu kebenaran bertulis dari Pihak Berkuasa Perancang Tempatan di bawah perenggan 35A(2)(a) Akta bolehlah mengenakan syarat-syarat bagi memastikan pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok ditanam atau diganti melalui penanaman semula dalam satu tempoh atau lanjutan tempoh yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan.

(4) Syarat-syarat yang dikenakan di bawah subkaedah 6(3) berkenaan dengan pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang ditanam atau diganti melalui penanaman semula hendaklah mempunyai kesan yang sama seperti perintah asal.

(5) Suatu notis pematuhan syarat-syarat kebenaran bertulis di bawah perenggan 35A(2)(a) Akta hendaklah dikemukakan kepada pihak berkuasa perancang tempatan melalui **Borang E Jadual Ketiga**.

(6) Suatu pengesahan pematuhan syarat-syarat kebenaran bertulis oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan berkenaan di bawah subkaedah 6(5) hendaklah dikeluarkan melalui **Borang F Jadual Ketiga**.

Perakuan orang berkelayakan

7. (1) Bagi mengelakkan keraguan dalam menentukan apakah yang dikatakan sebagai—

(a) pokok yang telah mati atau hampir mati di bawah perenggan 35A(3)(a) atau 35H(1)(a) Akta;

(b) mencegah bahaya yang hampir benar berlaku di bawah perenggan 35A(3)(b) atau 35H(1)(b) Akta,

maka suatu perakuan hendaklah dibuat oleh orang berkelayakan.

(2) Bagi maksud di bawah subkaedah 7(1), orang berkelayakan adalah orang yang layak dan berkepakaran dalam—

(a) bidang pokok dan tumbuh-tumbuhan; dan

(b) mana-mana orang lain yang berhak berbuat demikian dalam mana-mana undang-undang bertulis.

Pampasan

8. (1) Suatu tuntutan di bawah subseksyen 35D(1) dan 35D(2) Akta hendaklah dibuat melalui **Borang G Jadual Ketiga**.

(2) Suatu amaun pampasan yang diawardkan di bawah subkaedah 8(1) oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan hendaklah dibuat melalui **Borang H Jadual Ketiga**.

Penggantian pokok

9. (1) Suatu perintah penggantian pokok yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan di bawah subseksyen 35E(1) Akta kepada orang yang didapati bersalah hendaklah dibuat melalui **Borang I Jadual Ketiga**.

(2) Suatu pengesahan pematuhan perintah penggantian pokok hendaklah dibuat melalui **Borang J Jadual Ketiga** oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan.

(3) Sesuatu permohonan menepikan keperluan menggantikan pokok di bawah perenggan (1) sama ada atas permohonan orang itu atau mana-mana orang lain hendaklah dibuat melalui **Borang K Jadual Ketiga**.

(4) Suatu keputusan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan terhadap permohonan mengeneppikan perintah penggantian pokok hendaklah dibuat melalui **Borang L Jadual Ketiga**.

(5) Suatu permohonan untuk lanjutan tempoh penggantian pokok di bawah subseksyen 35E(2) Akta hendaklah dibuat melalui **Borang M Jadual Ketiga**.

(6) Suatu keputusan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan terhadap permohonan lanjutan tempoh penggantian pokok di perenggan (5) hendaklah dibuat melalui **Borang N Jadual Ketiga**.

(7) Suatu notis pemberitahuan bahawa Pihak Berkuasa Perancang Tempatan akan menggantikan pokok di bawah seksyen 35E Akta hendaklah dibuat melalui **Borang O Jadual Ketiga**.

(8) Suatu notis bayar ganti di bawah seksyen 35F Akta hendaklah dibuat melalui **Borang P Jadual Ketiga**.

Pembatalan perintah pemeliharaan pokok

10. (1) Jika suatu pindaan atau pembatalan perintah pemeliharaan pokok adalah berkenaan dengan senarai pokok seperti di Jadual Pertama, kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri hendaklah diperolehi terlebih dahulu.

(2) Suatu notis untuk meminda atau membatalkan suatu perintah pemeliharaan pokok di bawah seksyen 35G Akta hendaklah dibuat melalui **Borang Q Jadual Ketiga**.

(3) Suatu notis pindaan atau pembatalan perintah pemeliharaan pokok hendaklah disimpan, sedia didapati, disampaikan dan diletakkan menurut subkaedah 4(2), (3) dan (4).

(4) Jika sesuatu pindaan perintah pemeliharaan pokok yang hendak dibuat melibatkan tanah milik kerajaan subkaedah 4(5) dan (6) hendaklah pakai.

BAHAGIAN III
LARANGAN MEMOTONG DAN SEBAGAINYA
POKOK YANG LILITANNYA MELEBIHI 0.8 METER

Larangan memotong dan sebagainya pokok yang lilitannya melebihi 0.8 meter

11. (1) Suatu permohonan untuk kebenaran bertulis bagi menebang pokok yang lilitannya melebihi 0.8 meter di bawah subseksyen 35H(1) Akta hendaklah dibuat melalui **Borang R Jadual Ketiga**.

(2) Suatu keputusan terhadap permohonan yang dibuat di bawah subkaedah 11(1) hendaklah dibuat melalui **Borang S Jadual Ketiga**.

Ilustrasi

12. Bagi mengelakkan keraguan dalam menentukan lilitan suatu pokok yang diukur dari bumi di bawah subseksyen 35H(2) Akta, maka ilustrasi di **Jadual Keempat** hendaklah dipakai atau jika tiada dalam Jadual itu, peruntukan-peruntukan garis panduan mengenai perintah pemeliharaan pokok yang dipakai dalam Negeri itu hendaklah dipakai.

JADUAL PERTAMA

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK
NEGERI PERAK 2011

SENARAI POKOK

[subkaedah 3(1)]

Bagi maksud Perintah Pemeliharaan Pokok dalam
Mukim/Daerah
.....dengan ini membuat senarai pokok yang perlu
(nama Pihak Berkuasa Perancang Tempatan)
dipelihara bagi kawasannya berkuat kuasa pada.....
(tarikh mula berkuat kuasa)

No. Identiti Pokok	Jalan/Lokasi	Spesies	Ukur Lilit	Kategori Pokok*	Peruntukan Perintah Pemeliharaan Pokok	
					Dilarang penebangan (√)	Penanaman atau penggantian pokok (√)

* Nota

- NI - nilai istimewa
NS - nilai sejarah
E - endemik
HP - hampir pupus
T - terancam
LL - lain-lain (nyatakan).....

Tarikh:.....

METERAI:

*(Nama dan Tandatangan)**Pegawai Berkuasa**Pihak Berkuasa Perancang Tempatan*

JADUAL KEDUA

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK
NEGERI PERAK 2011

KAJI SELIDIK POKOK DI BAWAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK

[subkaedah 3(5)]

Bagi maksud Perintah Pemeliharaan Pokok
(nama Pihak Berkuasa Perancang Tempatan)

dengan ini membuat kaji selidik pokok bagi kawasannya berkuat kuasa
pada.....
(tarikh mula berkuat kuasa)

No. Identiti Pokok :	
Mukim :	
Daerah :	
Pemunya tanah :	
Nama pemeriksa :	

1. Alamat (Sila isikan)	No. Lot:
	Nama jalan:

2. Kategori kawasan dan persekitaran pokok <i>Sila tandakan (✓)</i>	Pokok tepi jalan/lebuhraya	
	Pokok di sekitar bangunan	
	Pokok di kawasan lapang	
	Pokok di dalam taman	
	Pokok di kawasan letak kereta	
	Lain-lain	

3. Nama pokok (Sila isikan)	Nama saintifik :
	Nama tempatan :
	Famili :
	Koordinat :

GAMBAR POKOK (Sila sertakan gambar pokok)

4. Kategori Pokok <i>Sila tandakan (√)</i>	Nilai istimewa			
	Nilai sejarah			
	Tarikh ditanam :			
	Endemik			
	Hampir pupus			
	Terancam			
	Lain-lain (nyatakan)			
5. Dimensi pokok	Lilitan :m			
	Tinggi :m			
	Lebar silara :m			
6. Status pokok <i>Sila tandakan (√)</i>	Baru ditanam			
	Muda			
	Matang			
	Tua			
	Tua dan merbahaya			
7. Kesuburan pokok <i>Sila tandakan (√)</i>	Baik			
	Sederhana			
	Berpenyakit			
	Bertambah buruk			
8. Lokasi pokok <i>Sila tandakan (√)</i>	Tebing yang curam			
	Tebing yang sederhana curam			
	Kawasan rata/stabil			
	Kawasan bertakungan air			
9. Dirian pokok <i>Sila tandakan (√)</i>	Tegap dan stabil			
	Condong tetapi stabil			
	Condong dan tidak stabil			
10. Kerosakan disebabkan pokok <i>Sila tandakan (√)</i>	Tiada			
	Kerosakan longkang	Kecil		
		Besar		
	Kerosakan permukaan	Kecil		
		Besar		
	Kerosakan bangunan	Kecil		
Besar				
11. Jenis rawatan yang perlu <i>Sila tandakan (√)</i>	Membaja	Jenis/ Kuantiti	Biasa	
	Pangkasan	Pembetulan/ Pembedahan	Segera	
			Biasa	
		Pelihara puncak pokok	Biasa	
		Pengurangan puncak Pokok	Segera	

	Rawatan kaviti		
	Pendawaian dan perkukuhkan	Biasa	
		Segera	
Pangkas akar			
Tarikh kaji selidik :			

JADUAL KETIGA

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK
NEGERI PERAK 2011

BORANG A

PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK

[subkaedah 4(1)]

.....
(Nama Pihak Berkuasa Perancang Tempatan)

Rujukan Daftar :

Bahawasanya pada pendapat adalah suai
(Nama Pihak Berkuasa Perancang Tempatan)

manfaat bagi kepentingan keselesaan untuk memelihara pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok, yang dinyatakan dalam Jadual di bawah Perintah ini di atas tanah di seperti yang ditunjukkan di atas peta atau
(nyatakan alamat)
pelan berskala yang disertakan bersama perintah ini dan dirujuk oleh Jadual berkenaan.

OLEH YANG DEMIKIAN Pihak Berkuasa Perancang Tempatan ini menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen 35A(1) Akta.

DENGAN INI

(a) MEMBUAT Perintah ini dikenali sebagai Perintah Pemeliharaan Pokok
.....
.....
(nyatakan nama/tempat yang dikenali)

(b) MELARANG penebangan mana-mana pokok yang meliputi pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang dinyatakan dalam Jadual perintah ini dan ditunjukkan di atas peta atau pelan yang disertakan.

MELAINKAN terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari Pihak Berkuasa Perancang Tempatan ini.

(c) MENGISYTIHARKAN

- (i) bahawa kebenaran penebangan itu, jika diberi oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan ini, boleh diberi tertakluk kepada syarat;
- (ii) bahawa pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang dinyatakan dalam Jadual itu adalah mempunyai nilai kepentingan keselesaan.

AMBIL PERHATIAN bahawa—

- (a) mengikut subseksyen 35A(4) Akta, mana-mana orang yang melanggar suatu perintah pemeliharaan pokok adalah melakukan kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM100,000.00 apabila disabitkan atau penjara selama tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya.
- (b) mengikut seksyen 35C Akta, mana-mana orang yang terkilang dengan suatu perintah pemeliharaan pokok atau mana-mana peruntukan dalam suatu perintah pemeliharaan pokok boleh merayu kepada Lembaga Rayuan dalam tempoh satu bulan dari tarikh perintah ini; dan
- (c) mengikut subseksyen 35D(1) Akta, pemunya tanah yang tanahnya dimaksudkan oleh suatu perintah pemeliharaan pokok dapat membuktikan bahawa dia mengalami kerugian berupa kesusutan dalam nilai tanahnya akibat mematuhi Perintah ini, dia boleh menuntut pampasan daripada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh perintah ini.

Tarikh:.....

METERAI :.....

*(Nama dan Tandatangan)**Pegawai Berkuasa**Pihak Berkuasa Perancang Tempatan*

Jadual

[beri keterangan mengenai spesis, saiz dan keadaan pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang tertakluk kepada perintah itu]

Nota:-

Peta/Pelan

[Peta/pelan berskala hendaklah menunjukkan kedudukan/lokasi pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang tertakluk kepada perintah itu]

JADUAL KETIGA

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK
NEGERI PERAK 2011

BORANG B

PEMBERITAHUAN PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK

[subkaedah 4(4)]

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976
SUBSEKSYEN 35A(1) DAN 35A(4)

PEMBERITAHUAN

*Pokok/pokok-pokok/kelompok pokok ini adalah tertakluk kepada suatu perintah pemeliharaan pokok.

Sesiapa yang melanggar mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah Perintah Pemeliharaan Pokok adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM100,000.00 apabila disabitkan atau penjara selama tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya.

Dengan perintah,

(Pihak Berkuasa Perancang Tempatan)

Rujukan daftar:-

Bertarikh :

.....

**Potong yang tidak berkenaan*

JADUAL KETIGA

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK
NEGERI PERAK 2011

BORANG C

KEBENARAN BERTULIS DI BAWAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK

[subkaedah 6(1)]

Kepada

.....
.....
.....
.....
.....
.....

(Nama Dan Alamat Pihak Berkuasa Perancang Tempatan)

Tarikh.....

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT
No. daftar
Tarikh daftar
Catatan

Tuan,

PER: PERMOHONAN KEBENARAN BERTULIS PIHAK BERKUASA PERANCANG TEMPATAN UNTUK MENEBAANG POKOK YANG DI BAWAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK DI BAWAH PERENGGAN 35A(2)(a) AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

Suatu perintah pemeliharaan pokok telah dibuat ke atas pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok seperti di dalam daftar rujuk
(nyatakan rujukan daftar perintah seperti
.....
dalam Borang A Jadual Ketiga)

2. *Saya/kami memohon kebenaran.....untuk
(nama Pihak Berkuasa Perancang)
menebang pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang dinyatakan seperti berikut :-
.....
(beri keterangan mengenai lokasi, spesis dan jenis pokok serta kerja penebangan yang hendak dilakukan)

3. Alasan*saya/kami untuk menebang pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok ini adalah seperti berikut:

.....
.....

Tandatangan	:]	
Nama	:]	pemohon
No. Kad Pengenalan	:]	
Alamat	:]	

**Potong yang tidak berkenaan*

JADUAL KETIGA

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK
NEGERI PERAK 2011

BORANG D

KEBENARAN BERTULIS DI BAWAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK

[subkaedah 6(2)]

Kepada

Rujukan :

.....
.....
.....
.....

(Nama Dan Alamat Pemohon)

Tuan,

PER: PERMOHONAN KEBENARAN BERTULIS PIHAK BERKUASA PERANCANG TEMPATAN UNTUK MENEBAANG POKOK YANG DI BAWAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK DI BAWAH PERENGGAN 35A(2)(a) AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

.....telah menerima permohonan
(nama Pihak Berkuasa Perancang)

tuan
(nyatakan rujukan dan tarikh) untuk kebenaran bertulis menebang pokok yang di bawah perintah pemeliharaan pokok seperti yang dikeluarkan melalui perintah Dari Pihak Berkuasa Perancang Tempatan
(nyatakan rujukan dan tarikh)

2. Setelah dipertimbangkan, Pihak Berkuasa Perancang Tempatan ini membuat keputusan –

*(a) menolak pemberian kebenaran penebangan pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok seperti mana yang dipohon.

*(b) (i) membenarkan penebangan pokok, pokok-pokok atau kelompok pokok yang berkenaan dan tertakluk kepada syarat-syarat berikut :-

.....
(beri keterangan mengenai lokasi pokok serta aktiviti penebangan yang dibenarkan serta syarat-syarat yang berkaitan)

.....
(jika melibatkan aktiviti penanaman atau diganti melalui penanaman semula, nyatakan jenis kerja yang dikehendaki dilakukan itu)

.....
(nyatakan tempoh yang diberi bagi mematuhi kerja-kerja di atas)

- (ii) tuan dikehendaki mengisi Borang E : Notis Pematuhan Syarat-syarat Kebenaran Bertulis di bawah perenggan 35A(2)(a) yang dilampirkan bersama ini dan mengemukakannya kepada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan selepas syarat-syarat di atas dipenuhi.

3. Mengikut seksyen 35C Akta, jika tuan terkilang dengan –

**(a)* penolakan pemberian kebenaran ini.

**(b)* mana-mana syarat yang dikenakan ke atas pemberian kebenaran bertulis ini.

Tuan boleh merayu kepada Lembaga Rayuan dalam masa satu bulan dari tarikh surat berhubung dengan keputusan ini dibuat.

Tarikh:

.....

(Nama dan Tandatangan)

Pegawai Berkuasa

Pihak Berkuasa Perancang Tempatan

**Potong yang tidak berkenaan*

JADUAL KETIGA

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK
NEGERI PERAK 2011

BORANG E

NOTIS PEMATUHAN SYARAT-SYARAT KEBENARAN BERTULIS

[subkaedah 6(5)]

Kepada

.....
.....
.....
.....
.....
(Nama Dan Alamat Pihak Berkuasa Perancang Tempatan)

Tarikh.....

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT
No. daftar
Tarikh daftar
Catatan

Tuan,

**PER : NOTIS PEMATUHAN SYARAT-SYARAT KEBENARAN BERTULIS DI
BAWAH PERENGGAN 35A(2)(a) AKTA PERANCANGAN BANDAR
DAN DESA 1976**

Suatu kebenaran bertulis untuk menebang pokok, pokok-pokok atau kelompok
pokok yang tertakluk kepada perintah pemeliharaan pokok telah dibuat oleh
.....
(nyatakan rujukan kebenaran bertulis itu)

melalui
(nama Pihak Berkuasa Perancang Tempatan)

2. *Saya/kami telah mematuhi syarat-syarat kebenaran bertulis ini seperti
berikut:-

Beri keterangan mengenai syarat-syarat yang telah dipenuhi:

- a.
- b.
- c.

3. *Saya/kami memohon pengesahan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan kepada pematuhan syarat-syarat di atas.

Tandatangan :]
Nama :] pemohon
No Kad Pengenalan :]
Alamat :]

** Potong yang tidak berkenaan*

JADUAL KETIGA

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK
NEGERI PERAK 2011

BORANG F

PENGESAHAN PEMATUHAN SYARAT-SYARAT KEBENARAN BERTULIS

[subkaedah 6(6)]

Kepada

Rujukan :

.....
.....
.....
.....

(Nama Dan Alamat Pemohon)

Tuan,

PER : PENGESAHAN PEMATUHAN SYARAT-SYARAT KEBENARAN
BERTULIS DI BAWAH PERENGGAN 35A(2)(a) AKTA
PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

Merujuk notis tuan bertarikh, setelah dipertimbangkan
..... dengan ini -

(nama Pihak Berkuasa Perancang Tempatan)

*(a) mengesahkan bahawa tuan telah mematuhi semua syarat-syarat kebenaran bertulis itu;

*(b) mendapati tuan tidak memenuhi syarat-syarat kebenaran bertulis yang berikut:-

.....
.....
.....
.....

(nyatakan syarat-syarat yang tidak dipenuhi itu)

Tuan dengan ini dikehendaki menjalankan kerja-kerja sehingga syarat-syarat tersebut di atas dipenuhi dalam masa.....dari tarikh mengenai
(nyatakan tempoh masa)
keputusan ini dibuat.

Tarikh:.....

METERAI :

(Nama dan Tandatangan)

Pegawai Berkuasa

Pihak Berkuasa Perancang Tempatan

* Potong yang tidak berkenaan

JADUAL KETIGA

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK
NEGERI PERAK 2011

BORANG G

TUNTUTAN PAMPASAN

[subkaedah 8(1)]

Kepada

.....
.....
.....
.....

(Nama Dan Alamat Pihak Berkuasa Perancang Tempatan)

Tarikh :

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT
No. daftar
Tarikh daftar
Catatan

Tuan,

PER : TUNTUTAN PAMPASAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 35D(1) DAN
35D(2) AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

Suatu perintah pemeliharaan pokok telah dibuat oleh
(nama Pihak Berkuasa Perancang Tempatan)

melalui.....
(nyatakan rujukan perintah)

2. *Saya/kami juga telah mematuhi perenggan 35C(a) hingga (d) Akta. Akibat pematuhan ini *saya/kami telah mengalami kerugian berupa kesusutan dalam nilai tanah dan dengan ini menuntut pampasan daripada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan ini.

3. Alasan tuntutan *saya/kami adalah seperti berikut :-

.....
.....
.....
.....
.....

(nyatakan asas-asas kerugian yang dialami yang berupa kesusutan dalam nilai tanah)

4. Amaun pampasan yang *saya/kami tuntutan adalah sebanyak RM
 (Ringgit Malaysia :)
(nyatakan amaun dalam perkataan)

berdasarkan kepada asas-asas berikut :-

.....

(nyatakan bagaimana amaun tuntutan pampasan dicapai)

5. *Bersama-sama ini *saya/kami sertakan
(nyatakan laporan dan butiran yang disertakan)
 bagi menyokong tuntutan *saya/kami.

Tandatangan	:]	
Nama	:]	pemohon
No. Kad Pengenalan	:]	
Alamat	:]	

* Potong yang tidak berkenaan

JADUAL KETIGA

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK
NEGERI PERAK 2011

BORANG H

AWARD AMAUN PAMPASAN

[subkaedah 8(2)]

Kepada

Rujukan :

.....
.....
.....
.....

(Nama Dan Alamat Pemohon)

Tuan,

PER : AWARD AMAUN PAMPASAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 35D(1) DAN
35D(2) AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

.....telah menerima tuntutan pampasan tuan di
(nama Pihak Berkuasa Perancang Tempatan)
bawah subseksyen 35D(1) dan 35D(2) Akta 172.

2. Setelah dipertimbangkan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan ini membuat keputusan—

*(a) tidak menawarkan award pampasan kerana didapati tiada kerugian berupa kesusutan dalam nilai tanah yang tuan alami.

*(b) menawarkan award pampasan sejumlah RM.....

(Ringgit Malaysia :)

(nyatakan amaun dalam perkataan)

*3. Subseksyen 35D(3) Akta memperuntukkan jika tuan tidak berpuas hati dengan amaun pampasan ini tuan bolehlah dalam tempoh satu bulan dari tarikh award ini merayu kepada Lembaga Rayuan.

Tarikh:.....

METERAI:

(Nama dan Tandatangan)

Pegawai Berkuasa

Pihak Berkuasa Perancang Tempatan

** Potong yang tidak berkenaan*

JADUAL KETIGA

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK
NEGERI PERAK 2011

BORANG I

PERINTAH PENGGANTIAN POKOK

[subkaedah 9(1)]

Kepada

Rujukan :

.....
.....
.....
.....

(Nama Dan Alamat Pemunya Tanah Atau Penduduk Tanah)

Tuan,

**PER : PERINTAH PENGGANTIAN POKOK DI BAWAH SUBSEKSYEN 35E(1)
AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976**

Dimaklumkan tuan telah didapati bersalah di bawah subseksyen 35A(4) Akta kerana menebang *pokok/pokok-pokok/kelompok pokok yang berkenaan dengannya suatu perintah pemeliharaan pokok berkuat kuasa.

*2. Dengan ini diberitahu tuan tidak dikehendaki menggantikan *pokok/pokok-pokok/kelompok pokok itu.

*3. (a) Dengan ini menurut subseksyen 35E(1) Akta, tuan adalah berkewajipan untuk menggantikan *pokok/pokok-pokok/kelompok pokok itu dengan menanam suatu *pokok/pokok-pokok/kelompok pokok lain seperti berikut :-

(i)
(nyatakan saiz dan spesis yang dikehendaki ditanam)

(ii)
(nyatakan tempat yang dikehendaki ditanam)

(iii)
(nyatakan tempoh masa yang diberi untuk melakukan penanaman itu)

(iv)
(nyatakan terma atau syarat-syarat lain yang hendak dikenakan)

(b) Tuan dikehendaki memberitahu Pihak Berkuasa Perancang Tempatan ini sebaik sahaja arahan di perenggan (a) di atas dipenuhi melalui Borang J.

- (c) Tuan boleh memohon kepada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan ini supaya mengeneipkan keperluan di perenggan (a) di atas melalui Borang K.
- (d) Tuan boleh memohon dilanjutkan tempoh masa seperti yang dinyatakan di perenggan (a)(iii) di atas melalui Borang M.
- (e) Mengikut subseksyen 35E(3) Akta tuan boleh merayu kepada Lembaga Rayuan jika terkilan dengan keperluan menggantikan *pokok/pokok-pokok/kelompok pokok ini atau mana-mana perintah yang diberi di bawah perenggan (a)(i) atau (ii) di atas, atau mana-mana terma atau syarat yang dikenakan di bawah perenggan (a)(iv) di atas dalam masa satu bulan dari tarikh tuan diberitahu tentang perintah ini.

AMBIL PERHATIAN, bahawa mengikut seksyen 35F Akta, jika tuan gagal untuk menggantikan pokok menurut subseksyen 35E(1), Pihak Berkuasa Perancang Tempatan boleh meneruskan untuk menggantikan pokok itu dan melalui denda di bawah subseksyen 35E(5) telah dijelaskan, kesemua kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan untuk menggantikan pokok itu hendaklah dibayar ganti oleh tuan selaku orang yang berkewajipan untuk menggantikannya.

Tarikh:.....

METERAI :

(Nama dan Tandatangan)

Pegawai Berkuasa

Pihak Berkuasa Perancang Tempatan

* Potong yang tidak berkenaan

JADUAL KETIGA

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK
NEGERI PERAK 2011

BORANG J

PENGESAHAN PEMATUHAN PERINTAH PENGGANTIAN POKOK

[subkaedah 9(2)]

Kepada

Rujukan :

.....
.....
.....
.....

(Nama Dan Alamat Pemohon)

Tuan,

PER : PENGESAHAN PEMATUHAN PERINTAH PENGGANTIAN POKOK
DI BAWAH SUBSEKSYEN 35E(1) AKTA PERANCANGAN BANDAR
DAN DESA 1976

Merujuk notis tuan bertarikh,
setelah dipertimbangkan,dengan ini –
(Pihak Berkuasa Perancang Tempatan)

*(a) mengesahkan bahawa tuan telah mematuhi perintah di bawah subseksyen
35E(1);

*(b) mendapati tuan tidak mematuhi perintah di bawah subseksyen 35E(1),.....
.....
(nyatakan rujukan)

Tuan dengan ini dikehendaki menjalankan kerja-kerja penggantian pokok
seperti dalam Borang I dalam masa
(nyatakan tempoh masa)
dari tarikh mengenai keputusan ini dibuat.

Tarikh:.....

METERAI :
(Nama dan Tandatangan)
Pegawai Berkuasa
Pihak Berkuasa Perancang Tempatan

* Potong yang tidak berkenaan

JADUAL KETIGA

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK
NEGERI PERAK 2011

BORANG K

PERMOHONAN MENGENEPIKAN PERINTAH PENGGANTIAN POKOK

[subkaedah 9(3)]

Kepada

Tarikh :

.....
.....
.....
.....
.....
(Nama Dan Alamat Pihak Berkuasa Perancang Tempatan)

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT
No. daftar
Tarikh daftar
Catatan

Tuan,

PER : PERMOHONAN MENGENEPIKAN PERINTAH PENGGANTIAN
POKOK DI BAWAH SEKSYEN 35E(1) AKTA PERANCANGAN
BANDAR DAN DESA 1976

*Saya/kami telah menerima arahan dari
(Pihak Berkuasa Perancang Tempatan)

melalui.....supaya menggantikan *pokok/
(nyatakan rujukan & tarikh perintah)

pokok-pokok/kelompok pokok dengan *pokok / pokok-pokok / kelompok pokok
lain seperti berikut :-

.....
.....
.....

(nyatakan kerja yang dikehendaki dibuat itu)

2. *Saya/kami memohon perintah ini diketepikan dan alasan *saya/kami adalah seperti berikut:-

- (a)
- (b)
- (c)

Tandatangan :]
Nama :] pemohon
No. Kad Pengenalan :]
Alamat :]

** Potong yang tidak berkenaan*

JADUAL KETIGA

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK
NEGERI PERAK 2011

BORANG L

KEPUTUSAN PERMOHONAN MENGENEPIKAN PERINTAH PENGGANTIAN POKOK

[subkaedah 9(4)]

Kepada

Rujukan :

.....

 (Nama dan Alamat Pemohon)

Tuan,

PER : KEPUTUSAN PERMOHONAN MENGENEPIKAN PERINTAH
 PENGGANTIAN POKOK DI BAWAH SUBSEKSYEN 35E(1) AKTA
 PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

.....pada

(nama Pihak Berkuasa Perancang Tempatan) (tarikh)

telah menerima permohonan tuan supaya mengenepikan perintah penggantian pokok
 di bawah subseksyen 35E(1) Akta.

2. Setelah dipertimbangkan, Pihak Berkuasa Perancang Tempatan ini membuat
 keputusan :-

*(a) meluluskan permohonan ini dan tuan tidak perlu menggantikan *pokok/
 pokok / kelompok pokok seperti mana yang dikehendaki oleh Pihak
 Berkuasa Perancang Tempatan ini
 (rujuk perintah)

*(b) menolak permohonan ini dan tuan dikehendaki melakukan kerja
 menggantikan *pokok/pokok-pokok/kelompok pokok seperti mana arahan
 yang dikeluarkan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan ini
 Jika tuan terkilan dengan penolakan ini
 (rujuk arahan)

tuan boleh merayu kepada Lembaga Rayuan dalam masa satu bulan dari tarikh pemberitahuan ini.

Tarikh:.....

METERAI :

(Nama dan Tandatangan)

Pegawai Berkuasa

Pihak Berkuasa Perancang Tempatan

** Potong yang tidak berkenaan*

JADUAL KETIGA

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK
NEGERI PERAK 2011

BORANG M

PERMOHONAN LANJUTAN TEMPOH MENGGANTIKAN POKOK

[subkaedah 9(5)]

Kepada

.....
.....
.....
.....
(Nama Dan Alamat Pihak Berkuasa Perancang Tempatan)

Tarikh :

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT
No. daftar
Tarikh daftar
Catatan

Tuan,

**PER : PERMOHONAN LANJUTAN TEMPOH DI BAWAH SUBSEKSYEN
35E(2) AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976**

*Saya/kami telah menerima perintah menggantikan pokok dari
(Pihak Berkuasa
..... *melalui*
Perancang Tempatan) *(nyatakan No. Daftar Borang I Jadual Ketiga)*

2. *Saya/kami memohon dilanjutkan tempoh masa seperti yang dinyatakan di
perenggan 3(a)(iii) arahan itu kepada
(nyatakan tarikh lanjutan yang diperlukan)

Alasan *saya/kami adalah seperti berikut -

- (a)
- (b)
- (c)
(nyatakan alasan)

Tandatangan :]
Nama :] pemohon
No. Kad Pengenalan :]
Alamat :]

* Potong yang tidak berkenaan

JADUAL KETIGA

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK
NEGERI PERAK 2011

BORANG N

KEPUTUSAN PERMOHONAN LANJUTAN TEMPOH PENGGANTIAN POKOK

[subkaedah 9(6)]

Kepada

Rujukan :

.....
.....
.....
.....

(nama dan alamat pemohon)

Tuan,

PER : KEPUTUSAN PERMOHONAN LANJUTAN TEMPOH DI BAWAH
SUBSEKSYEN 35E(2) AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
1976

.....telah menerima permohonan
(nama Pihak Berkuasa Perancang Tempatan)

tuan.....supaya dilanjutkan tempoh
(nyatakan No. Daftar Borang M Jadual Ketiga)

masa menggantikan pokok seperti diarahkan melalui surat dari Pihak Berkuasa
Perancang Tempatan ini
(nyatakan No. Daftar Borang I Jadual Ketiga)

2. Setelah dipertimbangkan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan ini membuat
keputusan:

*(a) membenarkan lanjutan tempoh selama bermula
(nyatakan tempoh tersebut)

..... dan tamat pada
(nyatakan tarikh kuat kuasa) (nyatakan tarikh tamat tempoh)

*(b) menolak permohonan ini dan tuan dikehendaki melakukan kerja-kerja
menggantikan *pokok / pokok-pokok /kelompok pokok seperti mana

arahan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan ini
..... dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam
(rujuk arahan)
arahan itu. Jika tuan terkilan dengan penolakan ini tuan boleh merayu
kepada Lembaga Rayuan dalam masa satu bulan dari tarikh pemberitahuan
ini.

Tarikh:.....

METERAI :

(Nama dan Tandatangan)

Pegawai Berkuasa

Pihak Berkuasa Perancang Tempatan

* *Potong yang tidak berkenaan*

JADUAL KETIGA

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK
NEGERI PERAK 2011

BORANG O

NOTIS PEMBERITAHUAN PENGGANTIAN POKOK

[subkaedah 9(7)]

Kepada

Rujukan :

.....
.....
.....
.....

(Nama Dan Alamat Orang Berkewajipan Menggantikan Pokok)

Tuan,

**PER : NOTIS PEMBERITAHUAN BAHAWA PIHAK BERKUASA
PERANCANG TEMPATAN AKAN MELAKUKAN KERJA
MENGANTIKAN POKOK DI BAWAH SEKSYEN 35F AKTA
PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976**

Dimaklumkan

(nama Pihak Berkuasa Perancang Tempatan)

telah mengeluarkan perintah.....menghendaki

(No. Daftar Borang I Jadual Ketiga)

tuan menggantikan pokok dengan menanam suatu *pokok/pokok-pokok/ kelompok
pokok.

2. Walau bagaimanapun setelah tamat *tempoh/lanjutan tempoh masa seperti yang
dinyatakan dalam perintah itu, tuan didapati telah gagal melaksanakan perintah itu.

*Tempoh/Lanjutan tempoh masa yang diberi ialah selama dan
(nyatakan tarikh)

tamat pada.....lalu.

(nyatakan tempoh itu)

3. Dengan ini menurut seksyen 35F Akta diberitahu bahawa Pihak Berkuasa
Perancang Tempatan ini akan melakukan kerja menggantikan *pokok/pokok-pokok/
kelompok pokok bermula

(nyatakan tarikh)

4. Juga diberitahu selepas kerja menggantikan pokok/pokok-pokok/kelompok pokok ini selesai dilakukan, tuan akan dikemukakan notis bayar ganti bagi kerja menggantikan *pokok /pokok-pokok/kelompok pokok ini.

Tarikh:

METERAI :

(Nama dan Tandatangan)

Pegawai Berkuasa

Pihak Berkuasa Perancang Tempatan

**Potong yang tidak berkenaan*

JADUAL KETIGA

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK
NEGERI PERAK 2011

BORANG P

NOTIS BAYAR GANTI

[subkaedah 9(8)]

Kepada

Rujukan :

.....
.....
.....
.....

(nama dan alamat pemohon)

Tuan,

PER : NOTIS BAYAR GANTI KERJA MENGGANTIKAN POKOK DI BAWAH
SEKSYEN 35F AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

Dengan ini diberitahu bahawa pada,

(nyatakan tarikh) (nama Pihak Berkuasa Perancang

..... telah melakukan kerja-kerja menggantikan *pokok /pokok-pokok/
Tempatan)

kelompok pokok seperti mana yang dikeluarkan mengikut notis dari Pihak Berkuasa

Perancang Tempatan ini

(nyatakan rujukan notis)

2. Menurut seksyen 35F Akta, Pihak Berkuasa Perancang Tempatan dengan ini
menuntut dari tuan sejumlah RM..... (Ringgit Malaysia :

.....)

(nyatakan jumlah dalam perkataan)

yang merupakan bayar ganti kerja menggantikan *pokok/pokok-pokok/kelompok
pokok yang telah dilakukan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan ini.

3. Sila jelaskan tuntutan ini dalam tempoh 14 hari dari tarikh notis ini dalam bentuk bank draf atas nama.....
(nyatakan nama Pihak Berkuasa Perancang Tempatan)

Tarikh:

METERAI :

(Nama dan Tandatangan)

Pegawai Berkuasa

Pihak Berkuasa Perancang Tempatan

**Potong yang tidak berkenaan*

JADUAL KETIGA

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK
NEGERI PERAK 2011

BORANG Q

NOTIS PINDAAN ATAU PEMBATALAN PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK

[subkaedah 10(2)]

.....
(Nama Pihak Berkuasa Perancang Tempatan)

NOTIS * MEMINDA/MEMBATALKAN PERINTAH
PEMELIHARAAN POKOK

Rujukan :

Dengan ini diberitahu.....telah
(nama Pihak Berkuasa Perancang Tempatan)

*membatal/meminda perintah pemeliharaan pokok yang dikeluarkan menurut ke
atas pokok
(nyatakan rujukan perintah ini No. Daftar)

*Pembatalan/Pindaan ini berkuat kuasa.....
(nyatakan tarikh kuat kuasa)

2. Pindaan perintah ini adalah seperti berikut :-

.....
.....
.....
.....
(nyatakan pindaan)

Dengan perintah,

Tarikh:

METERAI :
(Nama dan Tandatangan)
Pegawai Berkuasa
Pihak Berkuasa Perancang Tempatan

*Potong yang tidak berkenaan

JADUAL KETIGA

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK
NEGERI PERAK 2011

BORANG R

PERMOHONAN KEBENARAN MENEBAANG POKOK

[subkaedah 11(1)]

Kepada

.....
.....
.....
.....
(Nama Dan Alamat Pihak Berkuasa Perancang Tempatan)

Tarikh :

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT
No. daftar
Tarikh daftar
Catatan

Tuan,

PER : PERMOHONAN MENEBAANG POKOK DI BAWAH SUBSEKSYEN
35H(1) AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

*Saya/kami ingin memaklumkan terdapat *pokok/pokok-pokok/kelompok pokok yang tumbuh di yang mempunyai lilitan melebihi
(nyatakan lokasi pokok yang dimaksudkan)
0.8m pada paras 0.5m dari bumi.

2. *Saya/kami memohon kebenaran menebang *pokok/pokok-pokok/kelompok pokok ini seperti berikut :-

.....
.....
.....
(nyatakan jenis penebangan yang hendak dilakukan)

3. Alasan *saya/kami menebang *pokok/pokok-pokok/kelompok pokok ini adalah seperti berikut -

.....
.....
.....
(nyatakan alasan)

4. Bersama ini disertakan *pelan/peta/gambar yang menunjukkan kedudukan *pokok/pokok-pokok/kelompok pokok yang dimaksudkan.

Tandatangan :]
Nama :]
No. Kad Pengenalan :] pemohon
Alamat :]

** Potong yang tidak berkenaan*

JADUAL KETIGA

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK
NEGERI PERAK 2011

BORANG S

KEPUTUSAN PERMOHONAN KEBENARAN MENEBAANG POKOK

[subkaedah 11(2)]

Kepada

Rujukan

.....
.....
.....
.....

(Nama Dan Alamat Pemohon)

Tuan,

PER : KEPUTUSAN PERMOHONAN MENEBAANG POKOK DI BAWAH
SUBSEKSYEN 35H(1) AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
1976

Merujuk permohonan tuan
(nyatakan rujukan No. Daftar Borang Q Jadual Ketiga)

untuk kebenaran menebang pokok Pihak Berkuasa Perancang Tempatan ini setelah
menimbang permohonan itu membuat keputusan -

*(a) membenarkan penebangan *pokok/pokok-pokok/kelompok pokok yang
berkenaan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

.....
.....
.....

(nyatakan syarat-syarat yang dikehendaki dipenuhi)

*(b) enggan membenarkan penebangan *pokok/pokok-pokok/kelompok pokok
yang berkenaan.

2. Tuan diingatkan menurut subseksyen 35H(3) Akta, penebangan pokok yang
lilitannya melebihi 0.8m tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Perancang Tempatan

adalah merupakan suatu kesalahan dan jika disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM10,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya bagi setiap pokok yang ditebang.

Tarikh:

METERAI :

(Nama dan Tandatangan)

Pegawai Berkuasa

Pihak Berkuasa Perancang Tempatan


**Potong yang tidak dikenakan*

JADUAL KEEMPAT

KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK
NEGERI PERAK 2011

ILUSTRASI I



[kaedah 12]



KAEDAH-KAEDAH PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK
NEGERI PERAK 2011

ILUSTRASI II

[kaedah 12]



Dibuat 23 Disember 2011
[JPBD.Pk.8/MMK/1001/Jld.4; PU.PK 31/05]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

TOWN AND COUNTRY PLANNING ACT 1976

PERAK TREE PRESERVATION ORDER
RULES 2011

ARRANGEMENT OF RULES

PART I
PRELIMINARY

Rule

1. Citation, commencement and application
2. Interpretation

PART II
TREE PRESERVATION ORDER

3. List of trees
4. Tree preservation order
5. Tree preservation order may be made if tree not subjected to conditions
6. Written permission under the tree preservation order
